

Dr. M: Ini penggal terakhir saya sebagai PM

UM 11.12.99

PUTRAJAYA 10 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, penggal Parlimen yang baru bermula ini mungkin yang terakhir baginya sebagai Perdana Menteri.

Menurut beliau, walaupun masih ada permintaan daripada rakyat supaya beliau terus menerajui kepimpinan negara, sukar bagi beliau untuk berbuat demikian.

“Walaupun ada orang minta untuk teruskan (menjadi Perdana Menteri) selamanya, tetapi untuk berbuat demikian adalah sukar sedikit.

“Besarnya kemungkinan... kerana penggal berikutnya usia saya sudah hampir 80 tahun, saya akan kurang tidur, mata rabun dan semua itu. Jadi ini mungkin menjadi penggal yang terakhir saya,” katanya apabila ditanya oleh pemberita sama ada penggal sekarang adalah yang terakhir baginya.

Dr Mahathir, yang mula menjawat jawatan Perdana Menteri pada tahun 1981 sebelum itu mengumumkan barisan kabinet barunya, 11 hari selepas Barisan Nasional menang pilihan raya umum 29 November lepas.

Majlis itu turut dihadiri oleh

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Antara kejayaan cemerlang Dr. Mahathir ialah berjaya mengatasi kegawatan ekonomi mengikut acuan sendiri, tanpa bergantung kepada bantuan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) seperti banyak negara yang ditimpa masalah serupa.

Kejayaan BN pimpinannya mempertahankan kemenangan dua pertiga pada pilihan raya lalu turut membuktikan kepimpinannya terus diterima majoriti rakyat.

Sehubungan itu beliau dapat terus membentuk sebuah kerajaan yang kuat bagi membawa negara menghadapi cabaran pada alaf baru.

Sementara itu, beliau berkata, tarikh kuat kuasa pelantikan para menteri dan timbalan menteri ialah setelah mereka menerima surat cara pelantikan dan mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Perutusan Agong di Istana Negara pada Selasa ini.

Setiausaha-setiausaha Parlimen akan mengangkat sumpah jawatan di hadapan Perdana Menteri di Putrajaya pada keesokannya.

34